

**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN  
KOMODITI  
LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN DAN  
PEMBANGUNAN OLEH LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

---

**Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Objektif utama LGM adalah untuk mempromosi dan memaju industri getah Malaysia serta memberi keutamaan kepada industri getah Malaysia. Berdasarkan Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1966 (Akta 551), industri getah adalah termasuk pengeluaran getah dan kayu hevea, pemprosesan dan penggunaan getah, pengilangan keluaran getah dan perkhidmatan yang berhubungan dengannya.
- Aktiviti utama LGM pula adalah melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta melaksanakan pemindahan teknologi. Berdasarkan Akta 551, fungsi LGM adalah melaksanakan dasar dan projek pembangunan industri, melaksanakan aktiviti penyelidikan kemajuan getah, mengadakan perkhidmatan teknikal dan perunding industri getah serta merancang, menyelaras dan memajukan aktiviti penyelidikan.
- Pgaudit ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu Prestasi Aktiviti dan Pengurusan Aktiviti R&D. Prestasi Aktiviti dinilai melalui pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Penilaian pencapaian output dinilai berdasarkan pencapaian projek R&D dan pemindahan teknologi. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pengeluaran getah asli negara, pengeluaran produk berasaskan getah negara, eksport dan import getah negara, sumbangan industri getah kepada hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta pendapatan hasil getah kepada penggiat industri dan LGM. Pengurusan Aktiviti R&D meliputi perancangan projek R&D, pemindahan teknologi dan pemantauan oleh KPK. Sebanyak 26 projek R&D telah dipilih sebagai sampel Audit daripada keseluruhan 72 projek yang telah siap antara tempoh 2019 hingga 2022 serta satu projek berkaitan penyakit Luruhan Daun Pestalotiopsis (LDP) yang sedang dalam pelaksanaan. Kriteria pemilihan sampel adalah bagi projek dengan kos yang tertinggi serta keutamaan bagi projek di sektor hulu.

**Mengapa ia penting untuk diaudit?** Untuk menilai sama ada pengurusan R&D industri getah dibuat dengan cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan iaitu mempromosi dan memajukan serta memberi keutamaan kepada pembangunan industri getah Malaysia.

**Rumusan** Secara keseluruhannya, LGM telah melaksanakan aktiviti R&D merangkumi tiga sektor selaras dengan fungsi seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun keberhasilan projek R&D oleh LGM masih belum tercapai sepenuhnya kerana aktiviti R&D yang dilaksanakan belum dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan industri getah Malaysia, selaras dengan objektif LGM iaitu bagi memaju dan memberi keutamaan kepada pembangunan industri getah negara.

Pelaksanaan projek R&D yang lebih menekankan kepada sektor hiliran berbanding sektor huluan tidak membantu industri getah semasa yang tidak stabil. Di samping itu faktor lain seperti saiz pegangan tanah, pandemik Covid-19, usia pekebun kecil, pokok getah tua, kekurangan tenaga buruh dan harga getah yang rendah turut mempengaruhi pengeluaran getah asli Negara. Bagi menampung keperluan industri, import melebihi eksport getah asli bermula pada tahun 2019 hingga 2022.

Pemindahan teknologi yang kebanyakannya adalah secara sumbangan sosial tidak dapat memberi impak yang signifikan terhadap pemegang taruh yang terlibat dalam industri getah. Selain itu, keperluan dari sektor huluan industri getah yang kurang perhatian menyebabkan R&D yang dijalankan oleh LGM kurang memberi penekanan terhadap keperluan sebenar penggiat industri terutamanya kepada pekebun kecil.

BIL.	ISU YANG DIBANGKITKAN	KESAN	LANGKAH PENYELESAIAN
1.	Daripada 72 projek, hanya 44 projek (61.1%) telah memindahkan teknologi kepada industri getah. Manakala baki 28 projek tiada pemindahan teknologi disebabkan projek ditamatkan dan projek merupakan kajian asas untuk kegunaan projek R&D seterusnya Daripada 44 projek, sebanyak 41 projek (93.2%) telah memindahkan teknologi secara sumbangan sosial.	Pemindahan teknologi secara sumbangan sosial lebih banyak dilaksanakan namun dari aspek pemegang taruh yang terlibat dalam pembangunan industri getah terutama sektor huluan ianya tidak dapat memberi impak yang signifikan.	Memastikan teknologi yang dibangunkan dipindahkan dan diadaptasikan oleh pemegang taruh dalam industri getah.
2.	R&D sektor huluan telah dilaksanakan tetapi kurang berjaya menyumbang kepada pembangunan dan peningkatan sektor huluan industri getah.	Sumbangan KDNK industri getah bagi sektor huluan menurun antara 8.4% hingga 19.7% bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.	Mengenal pasti keperluan industri dan pihak berkepentingan dalam menentukan projek R&D yang akan dilaksanakan
3.	Projek R&D yang dijalankan oleh LGM kurang mengambil kira keperluan pemegang taruh dalam industri getah.	R&D yang dijalankan oleh LGM kurang memberi penekanan terhadap keperluan sebenar penggiat industri terutamanya kepada pekebun kecil.	
4.	Manual Kualiti LGM tidak menyatakan keperluan penilaian risiko (risk assessment) dilaksanakan sebelum sesuatu projek R&D diluluskan.	Terdapat projek yang gagal dan ditamatkan.	Melaksanakan penilaian risiko/kajian awalan bagi mengurangkan risiko kegagalan sesuatu projek yang merugikan Kerajaan
5.	Tiada pemantauan dilaksanakan oleh KPK terhadap penyelidikan LGM untuk memastikan hasil teknologi yang dihasilkan dipindahkan kepada pemegang taruh industri getah.	Pemindahan teknologi oleh LGM kurang dilaksanakan kepada pemegang taruh.	KPK perlu mempergiatkan pemantauan terhadap aktiviti pemindahan teknologi oleh LGM kepada pemegang taruh bagi memastikan objektif untuk memajukan industri getah Malaysia tercapai.

